فرساتوان أسترونومي نكارا بروني دارالسلام
PERSATUAN ASTRONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*ASTRONOMICAL SOCIETY OF BRUNEI DARUSSALAM*
e-mail: pabd@bruneiastronomy.org
http://www.bruneiastronomy.org
2003

# Program Menamakan Bintang dan Exoplanet untuk Brunei Darussalam (NameExoWorlds Brunei Darussalam)

## Pendahuluan

Program Menamakan Bintang dan Exoplanet (*Name Exoworlds*) merupakan inisiatif global sempena sambutan 100 tahun Kesatuan Astronomi Antarabangsa (International Astronomical Union, IAU). Eksoplanet adalah planet yang mengelilingi bintang lain. Setakat ini, sebanyak 4000 eksoplanet telah berjaya ditemui dan kebanyakan belum diberikan nama. IAU telah menganugerahkan sebuah bintang dan planetnya kepada negara-negara di dunia untuk dinamakan. Pada 02 Ogos 2019, Brunei Darussalam juga telah menerima bintang dan planetnya untuk dinamakan. Oleh yang demikian pertandingan menamakan ExoWorlds akan dianjurkan untuk memberikan peluang kepada rakyat dan penduduk negara ini untuk menamakan bintang dan planet tersebut bermula Ogos 2019.

## Objektif

1. Memberikan peluang kepada masyarakat Brunei Darussalam untuk menamakan exoplanet dan bintang hosnya.
2. Memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan sistem planet di luar sistem suria kita.
3. Menggalakkan dan memajukan bidang astronomi terutamanya astronomi Islam (falak syarie) dan sains angkasa di Negara Brunei Darussalam.

## Penganjur

Penganjuran Pertandingan Name ExoWorlds Brunei Darussalam ini adalah anjuran oleh sebuah badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) selaku *National Outreach Coordinator* (NOC) dengan sokongan pihak-pihak yang berkepentingan.
Website: http://www.nameexoworlds.iau.org/

# Maklumat sistem *Planetary* yang diperuntukkan bagi Brunei Darussalam

**Fakta** (Last update: July 31, 2019)
Jumlah Exoplanets: 4,025,
Jumlah *Planetary System*: 2,994 (Bintang yang mempunyai planet)

Maklumat bintang dan planet yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam oleh International Astronomical Union (IAU) untuk diberikan nama oleh penduduk negara ini adalah:

**Bintang induk: HD 179949**
**Kecerahan:** 6.25 magnitud
**Warna bintang:** *yellow-white, dwarf*
**Buruj:** Sagittarius
**Suhu permukaan:** 6250 K (500 darjah lebih panas dari matahari)
**Jisim:** 1.25 kali jisim matahari
**Jarak dari Bumi:** 88 tahun cahaya (8.3254 x $10^{14}$ km)
**Kelas spectra bintang:** F8 V

**Exoplanet:** HD 179949b
**Jenis planet:** Gergasi bergas
**Tahun ditemui:** 2000
**Jisim:** 0.916 kali ganda jisim planet Musytari
**Saiz planet:** 1.24 x saiz Musytari (estimate)
**Tempoh peredaran orbit:** 3.1 hari di Bumi



Peta kedudukan bintang HD 179949 yang berada dalam buruj Sagittarius



Perbandingan saiz bintang HD 179949 dengan matahari (sumber: NASA)



Perbandingan saiz planet HD 179949b dengan bumi (sumber: NASA)



Perbandingan saiz planet HD 179949b dengan Musytari (sumber: NASA)

## Tarikh penting

| | |
|---|---|
| Pengumuman dan pelancaran program NameExoWorlds Brunei Darussalam | 05 August 2019 |
| Penyertaan bagi cadangan nama dibukakan (Online) | 10 August 2019 |
| Pertandingan tamat | 10 October 2019 |
| Pemakluman senarai pendek 10 nama Exoworld | 12 October 2019 |
| Undian bagi Nama Exoworlds (Online) | 13 October – 13 November 2019 |
| Penghantaran cadangan ke pihak IAU | 15 November 2019 |
| Pemakluman rasmi daripada IAU | December 2019 |

## IAU National Outreach Coordinator

| | Name | Role | Contact Details |
|---|---|---|---|
| i. | Hazarry bin Haji Ali Ahmad (Secretary General, The Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Project Manager | hazarry@bruneiastronomy.org<br>+6738820277 |
| ii. | Md Qawiem Hj Md Jamil (Executive committee, The Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Co-Assistant Project Manager | qawiem@bruneiastronomy.org<br>+6737181144 |
| iii. | Dr Hj Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Hj Ahmad (Deputy Secretary II, The Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Co-Assistant Project Manager | hussain@bruneiastronomy.org<br>+6738643856 |
| iv. | Shaifulbahri bin Haji Ahmad (Treasurer General, The Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Treasurer | shaifulbahri@bruneiastronomy.org<br>+6738272963 |
| v. | Muniratussafiah binti Johar (Executive committee, The Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Committee | muniratussafiah@bruneiastronomy.org<br>+6738674441 |
| vi. | Nur Azrinah binti Omar (Executive committee, The Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Committee | nurazrinah@bruneiastronomy.org<br>+6738809219 |
| vii. | Nor Amalina Binti Hasnan (Member of the Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Committee | noramalina@bruneiastronomy.org<br>+6738975579 |
| viii. | Dayang Siti Nor Izuana Binti Ayob (Member of the Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Committee | izuana@bruneiastronomy.org<br>+6738626462 |
| ix. | Nur Bazilah binti Zainal Abidin | Committee | nurbazilah@bruneiastronomy.org<br>+6738761401 |

| | Name | Role | Contact Details |
|---|---|---|---|
| | (Member of the Astronomical Society of Brunei Darussalam) | | |
| x. | Mohammad Hazwan Bin Mohaimin (Member of the Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Committee | ✉ hazwan@bruneiastronomy.org<br>✆ +6737207832 |
| xi. | Hj. Ja'afar Bin Ahmad (Member of the Astronomical Society of Brunei Darussalam) | Committee | ✉ jaafar@bruneiastronomy.org<br>✆ +6738803510 |

## Kaedah Penyertaan

**1.1 Borang secara atas talian (*online*) disediakan seperti berikut:**
1.1.1 Mengisi borang melalui laman web: www.bruneiastronomy.org/NameExoWorlds
*Notifikasi melalui e-mel akan diterima selepas peserta berjaya menghantar penyertaan.

## Syarat Penyertaan

**1. Syarat-syarat utama:**
1.1 warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;
1.2 terbuka kepada individu atau organisasi di Negara Brunei Darussalam
1.3 setiap individu atau organisasi boleh menghantar tidak melebihi lima (5) penyertaan

**2. Syarat-syarat umum:**

**2.1 Menamakan bintang dan planet. Kedua-dua nama tersebut boleh menerangkan perkaitan antara satu sama lain.**

**2.2 Nama yang dicadangkan mestilah:**
2.2.1 antara 4 dan 16 aksara panjang dalam huruf Latin;
2.2.2 keutamaan diberi kepada satu perkataan sahaja bagi setiap nama;
2.2.3 mudah disebut atau diucapkan (dalam beberapa bahasa);
2.2.4 tidak menyinggung perasaan atau mengejek;
2.2.5 tidak sama atau serupa dengan nama objek astronomi yang ada;
2.2.6 nama yang telah diberikan kepada objek astronomi boleh diperiksa menggunakan pautan:

- Nama IAU untuk asteroid dalam pangkalan data Pusat Minor Planet (MPC) http://www.minorplanetcenter.net/db_search,
- Nama objek galaksi dan extragalactic dalam nama Sesame resolver http://cds.u-strasbg.fr/cgi-bin/Sesame,
- Nama IAU untuk planet, planet kecil dan satelit: https://planetarynames.wr.usgs.gov/Page/Planets,
- Nama IAU untuk bintang https://www.iau.org/public/themes/naming_stars/
- Nama IAU untuk exoplanets http://nameexoworlds.iau.org/names

**2.3 Menyediakan justifikasi mengenai cadangan nama tidak lebih daripada 100 patah perkataan.**

**2.4 TIDAK DIBENARKAN mencadang:**
2.4.1 nama-nama yang telah sedia bernilai komersial;
2.4.2 nama individu, tempat atau peristiwa yang berunsur politik, aktiviti ketenteraan atau keagamaan;
2.4.3 nama individu yang telah meninggal dunia selepas Tahun 1919;
2.4.4 nama individu yang masih hidup;
2.4.5 nama organisasi yang berkaitan dengan pertandingan ini;
2.4.6 nama haiwan kesayangan;
2.4.7 nama yang baharu dicipta;
2.4.8 akronim;
2.4.9 nama yang mengandungi nombor atau tanda bacaan; dan
2.4.10 nama yang dilindungi oleh tanda dagang (*trademark*) atau didaftarkan sebagai harta intelek (IP).

**2.5 Keutamaan nama yang mencerminkan ciri-ciri/nilai KeBruneian.**

**2.6 Penyertaan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**

**2.7 Keputusan hakim adalah muktamad**

**2.8 Nama yang dipilih akan diiktiraf oleh IAU sebagai nama umum yang sesuai digunakan untuk objek, dan**

- Peserta memahami bahawa nama yang dipilih tidak akan menggantikan penamaan alfanumerik saintifik.
- Nama yang dicadangkan akan diterbitkan, bersama-sama dengan kredit/penghargaan kepada pencadang.
- Nama yang terpilih boleh digunakan di peringkat antarabangsa bersama-sama dengan, atau daripada, penamaan saintifik, secara kekal dan tanpa sekatan.

**2.9 Peserta bersetuju bahawa sebarang penggunaan nama yang diberi adalah boleh digunakan oleh *National Outreach Committee Brunei Darussalam* dan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan mengenainya.**